

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK LIEW VUI KEONG
[BATU SAPI]**

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan usaha mulia meminda klasifikasi cubaan bunuh diri sebagai satu kesalahan jenayah di bawah Seksyen 305, 306 dan 309 Kanun Keseksan memandangkan cubaan membunuh diri merupakan keadaan kesihatan mental yang perlu dirawat dan bukannya dihukum.

**JAWAPAN : (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia. Ini kerana berdasarkan statistik setakat 2015, insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Percubaan membunuh diri berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut.

Bahagian Pertama kajian ini ditumpukan kepada kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan. Manakala Bahagian Kedua kajian ditumpukan kepada kesalahan persubahatan membunuh diri di bawah seksyen 305 dan 306 Kanun Keseksaan. Pada masa kini, Bahagian Pertama kajian ini sedang dalam peringkat rundingan dengan pihak yang berkepentingan.

Jabatan Peguam Negara juga sedang menimbangankan cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya.

Kajian yang dibuat juga termasuk perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan untuk membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura.

Sekian, terima kasih.